

Headline	Mengkudu berpotensi jana pendapatan lumayan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Dec 2020	Color	Black/white
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	23	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	899 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,350
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 16,050

Mengkudu berpotensi jana pendapatan lumayan

HAINI DARANI

DAHULU pokok mengkudu tidak begitu diberi perhatian kerana dikatakan tiada nilai komersial.

Pokoknya terbiar tumbuh di mana-mana dan buahnya pula berguguran sendiri tanpa ada yang sudi untuk memungutnya.

Mungkin kerana rasanya yang tidak begitu enak, bau buahnya yang kurang menyenangkan dan banyak biji maka pokok ini tidak popular.

Hanya orang kampung yang memanfaatkannya, misalnya daun mengkudu biasa digunakan untuk membungkus ikan bagi membuat 'ikan pais', membuat botok ikan, daun dan buahnya dijadikan ulam atau dicampur ke dalam makanan.

Namun sejak buahnya dikomersialkan sebagai minuman berkhasiat di peringkat dunia dan pelbagai penyelidikan di dalam dan luar negara mendakwa buah ini berkhasiat bagi merawat banyak penyakit, maka pokok mengkudu atau nama saintifiknya *Morinda Citrifolia* mula mendapat perhatian.

Sebagaimana lazimnya, apabila permintaan sudah ada maka harganya juga mula meningkat.

Sekarang ini, buah mengkudu menjadi rebutan di

mana-mana sahaja.

Dengan pengeluaran yang terhad, maka sukar untuk mendapatkan buah ini di pasaran.

Pokok ini memang banyak kegunaannya, dari daun hinggalah buahnya dikatakan mempunyai banyak khasiat.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pernah melakukan penyelidikan terhadap khasiat buah mengkudu dan hasilnya memberi perspektif baharu untuk tanaman ini. Antara hasil kajian tersebut adalah mengkudu boleh menurunkan kadar gula di dalam darah dan melindungi organ seperti hati.

Di peringkat antarabangsa pula, pelbagai penyelidikan juga membuktikan betapa berkhasiatnya buah mengkudu sehingga tanaman ini mula dieksploitasi sebagai jus dan suplemen kesihatan.

Dikatakan bahawa buah dan pokok mengkudu telah digunakan sebagai ubat tradisional sejak ribuan tahun dahulu oleh masyarakat dunia bagi menangani gejala-gejala seperti selesema, diabetes, kemurungan, tekanan darah tinggi, jang-

kitan bakteria, ceret-beret, penyakit mata, batuk, asma, luka-luka, patah tulang, mengandungi anti oksida yang tinggi dan banyak lagi.

Melihat kepada kepentingan pokok ini, maka semakin ramai orang mula menanamnya di sekitar rumah, malah ada yang menanamnya untuk tujuan komersial.

Bagi yang ingin menanamnya untuk sekadar suka-suka, menanam pokok mengkudu bukanlah sukar, sebaliknya hanya menggunakan biji benih daripada buahnya yang sudah matang.

Tanpa perlu jagaan teliti, pokok ini boleh tumbuh subur dengan keadaan tanah yang sesuai dan akan mula berbuah dalam tempoh enam bulan selepas ditanam.

Pokok ini menguntungkan kerana ia boleh berbuah sepanjang tahun dan akan terus mengeluarkan hasil sehingga 10 tahun.

Sekadar untuk melihat nilainya, di Shopee Malaysia misalnya, buah ini dijual pada harga antara RM17 hingga RM20 sekilogram dan sambutannya ternyata amat luar biasa apabila

mampu dijual dalam masa singkat. Malah anak

pokok mengkudu juga dijual di mana-mana bagi memudahkan sesiapa yang ingin memiliki pokok ini.

Melihat kepada potensinya ini, mungkin ada yang ingin memulakan kebun mengkudu sebagai salah satu sumber pendapatan, selain memanfaatkannya untuk kesihatan diri.

BUAH mengkudu kini dikomersialkan sebagai jus dan suplemen kesihatan di seluruh dunia.

